



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2009

GARIS PANDUAN MENGENAI SKIM PERKHIDMATAN DAN KADAR BAYARAN SYARAHAN AKADEMIK SAMBILAN BAGI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DI FAKULTI/PUSAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan** mengenai Skim Perkhidmatan dan Kadar Bayaran Syarahan Akademik Sambilan bagi tujuan Pengajaran & Pembelajaran di fakulti / pusat di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1. Garis panduan ini telah mendapat kelulusan pihak **Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bilangan 1 / 2007** yang telah bermesyuarat pada 26 Mac 2007 dan disahkan 02 Julai 2007.
- 2.2. Garis panduan ini adalah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 / 1995, di mana **Lembaga Pengarah Universiti (LPU)** berdasarkan mesyuarat di atas telah bersetuju menerima pakai pekeling tersebut dengan pengubahsuaian beberapa ketetapan kerana mengambil kira perubahan dan keadaan semasa.
- 2.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2 Tahun 2009 telah menetapkan bahawa Dekan Fakulti / Pusat bertanggungjawab terhadap perlantikan calon-calon bagi mengendalikan syarahan akademik sambilan berdasarkan keperluan di Fakulti/Pusat.

3.0 PERATURAN MENGENAI SKIM PERKHIDMATAN DAN KADAR BAYARAN SYARAHAN AKADEMIK SAMBILAN BAGI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DI FAKULTI/PUSAT , UMP.

3.1 Garis Panduan mengenai Skim Perkhidmatan dan Kadar Bayaran Akademik Sambilan bagi tujuan Pengajaran & Pembelajaran di Fakulti/Pusat,UMP adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

4.0 PEMAKAIAN


4.1 Garis panduan ini akan digunapakai bagi tujuan Perlantikan Staf Akademik Sambilan di Fakulti / Pusat bagi tujuan Pengajaran & Pembelajaran, Universiti Malaysia Pahang.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Tarikh kuatkuasa garis panduan ini ialah pada **18 Mei 2009**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


HAJI MUSTAFA IBRAHIM
PENDAFTAR

Tarikh : 25 Mei 2009

Edaran Kepada:

Semua Dekan / Pengarah
Fakulti / Pusat

Bendahari

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN

1. Skim : Pensyarah Sambilan
2. Jawatan : Pensyarah / Guru Bahasa / Pengajar / Tutor / Pembantu Makmal / Demonstrator / Pengajar Ko-Kurikulum Sambilan
3. Tempoh Perkhidmatan : Mengikut keperluan tetapi tidak melebihi kadar yang telah ditentukan.
4. Elaun dan Kemudahan :

Kategori Jawatan	Kadar Bayaran					
	Syarah	Tutorial	Amali	Kertas Soalan Akhir	Menanda Kertas Soalan Akhir	Kadar Maksimum Sebulan
Pensyarah Pakar	RM 200	RM50.00	RM 25.00	RM100 (Satu Kertas)	RM2.00 (< 2 jam kt) RM2.50 (>2 jam kt)	RM 2 800
Pensyarah	RM 100	RM50.00	RM 25.00	RM100 (Satu Kertas)	RM2.00 (< 2 jam kt) RM2.50 (>2 jam kt)	RM 1 800
Guru Bahasa / Tutor / Pengajar	RM 100	RM50.00	RM 25.00	RM100 (Satu Kertas)	RM2.00 (< 2 jam) RM2.50 (>2 jam)	RM 1 200
Pembantu Makmal / Demonstrator Sambilan	-	-	RM 12.50	-	-	-
Pengajar Sambilan (Ko-Kurikulum)	-	-	RM 25.00	-	-	-

5. Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri di Pusat Kesihatan Universiti
6. Bidang Tugas
 - (1) Memberi kuliah / tutoran / tunjuk ajar kepada pelajar mengenai bidang yang dikenal pasti oleh Fakulti/ Pusat/ Institut
 - (2) Memberi syarahan kepada staf akademik mengenai bidang yang dikenal pasti oleh Fakulti/ Pusat/ Institut

7. Cuti Budibicara Fakulti
8. Penamatan Perkhidmatan Pihak Fakulti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) secara bertulis.
9. Syarat-syarat perlantikan Pensyarah / Guru Bahasa / Pengajar / Tutor / Pembantu Makmal / Demonstrator / Pengajar Ko-Kurikulum Sambilan.
- (1) Bayaran Syarahan Sambilan hanya layak dibayar kepada pensyarah sambilan yang dilantik untuk menyampaikan syarahan akademik dalam sesuatu bidang pengajian kepada pelajar;
 - (2) Perlantikan pensyarah sambilan hendaklah dilantik dari kalangan pensyarah luar yang berkelayakan. Lantikan juga boleh dibuat dari kalangan pegawai sektor awam yang mempunyai kelulusan akademik yang diperlukan dengan syarat syarahan akademik disampaikan di luar waktu pejabat dan tidak menjejaskan tugas hakiki pegawai berkenaan.
 - (3) Pensyarah luar/pegawai yang dilantik sebagai pensyarah sambilan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing dan mereka juga dikehendaki mengemukakan laporan kepada Ketua Jabatan berhubung dengan bayaran Syarahan Akademik Sambilan yang diterima.
 - (4) Wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi suatu tempoh yang panjang seperti cuti sabatikal, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar.
 - (5) Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandanginya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh pensyarah sambilan yang dilantik atau pensyarah lain.
 - (6) Tugas sebagai pensyarah sambilan adalah tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya.
10. Pemakaian bayaran syarahan sambilan adalah juga terpakai kepada staf akademik di Universiti Malaysia Pahang yang dilantik sebagai pensyarah sambilan. Bagi memastikan keputusan menerima pakai peruntukan berkenaan dilaksanakan dengan sewajarnya, peraturan dan syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
- (1) Bagi membolehkan bayaran syarahan akademik sambilan dibuat, Dekan Fakulti atau Ketua Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan dan mengesahkan beban Pensyarah Sambilan yang dilantik benar-benar telah melebihi beban akademik maksimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (2) Dekan atau Ketua Jabatan hendaklah memastikan perlantikan sebagai Pensyarah Sambilan tidak menjejaskan tugas hakiki pensyarah berkenaan di mana tugas sebagai Pensyarah Sambilan adalah merupakan tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya;
 - (3) Dekan atau Ketua Jabatan hendaklah memastikan bayaran syarahan akademik sambilan yang diterima oleh pensyarah tidak melebihi had maksimum sebulan yang telah ditetapkan; dan
 - (4) Pensyarah terlibat dikehendaki membuat laporan kepada Dekan atau Ketua Jabatan masing-masing berhubung dengan bayaran syarahan akademik sambilan yang diterima.

11. **Tatacara Pelantikan:**

- (1) Fakulti/ Pusat/ Institut boleh memilih calon dari organisasi/universiti dalam atau luar negeri untuk dilantik sebagai Pensyarah Sambilan (Melengkapkan Borang Permohonan sebagaimana di **Lampiran A1**);
- (2) Calon Pensyarah Sambilan terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara;
- (3) Tidak ada had umur untuk pelantikan Pensyarah Sambilan;
- (4) Dekan Fakulti **memperaku dan melantik** Pensyarah Sambilan setelah diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) – (format surat tawaran adalah sebagaimana di **Lampiran A2**).
- (5) Pihak Fakulti bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan perlantikan, lapor diri dan tuntutan Pensyarah Sambilan yang telah dilantik.
- (6) Pihak Fakulti juga bertanggungjawab merancang dengan teliti keperluan pengambilan Pensyarah Sambilan dan memastikan peruntukan pembayaran adalah sentiasa mencukupi serta sentiasa mengamalkan sistem pengurusan dan perbelanjaan berhemah .

10. **Tempoh Perlantikan**

Pelantikan akan dibuat untuk satu-satu tugas sahaja (per assignment basis) atau untuk setiap jemputan tetapi tidak melebihi kadar bayaran maksimum yang telah ditentukan .

11. **Tafsiran Istilah-Istilah**

Tafsiran ketagori jawatan bagi perlantikan pembayaran syarahan akademik di Universiti Malaysia Pahang adalah sebagaimana di bawah;

(1) Tafsiran Pensyarah Pakar

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat ijazah kedua dengan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman yang berkaitan dengan subjek pengajaran dan keatas . Bagi golongan pakar profesional, pegawai dikehendaki mempunyai **kelulusan profesional** dalam bidang kepakarannya;

(2) Tafsiran Pensyarah

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat ijazah kedua dalam bidang kepakaran dalam bidangnya.

(3) Tafsiran Guru Bahasa / Tutor / Pengajar

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat ijazah pertama dalam bidangnya;

(4) Tafsiran Pembantu Makmal / Demonstrator

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat sekurang-kurangnya Diploma atau Sijil dalam bidangnya atau mana-mana kelayakkan akademik yang diiktiraf oleh pihak Univresiti;

(5) Tafsiran Pengajar / Jurulatih

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat sekurang-kurangnya Sijil dalam bidangnya; atau mempunyai bakat atau kebolehan yang diiktiraf oleh pihak Universiti bagi menjalankan sesuatu tugas yang berkaitan dengan Ko-Kurikulum pelajar – pelajar di Universiti Malaysia Pahang.